

25 APR 1998

MTJDA (Laporan Khas)

MTJDA: MUNGKINKAN IA MENJADI CONTOH PENYELESAIAN TUNTUTAN BERTINDIH

Oleh: Amer Hamzah Mohd Sap

SONGKHLA, 25 April (Bernama) -- Kejayaan Malaysia dan Thailand membuat keputusan untuk bersama membangun kawasan seluas kira-kira 7,250 kilometer persegi di Teluk Siam mungkin dapat menjadi contoh penyelesaian kepada pertelagahan mengenai tuntutan bertindih ke atas wilayah-wilayah melibatkan dua atau beberapa negara.

Dengan diberi nama Kawasan Pembangunan Bersama Malaysia-Thailand (MTJDA) ia akan dibangunkan bersama oleh sebuah badan yang ditubuhkan oleh kedua-dua negara -- Lembaga Bersama Malaysia-Thailand (MTJA), pada tahun 1979.

Sebagai badan separuh kerajaan, MTJA diberi hak dan tanggungjawab oleh kedua-dua kerajaan untuk menerokai sumber-sumber bukan hidup (non-living), khususnya petroleum.

Dianggarkan simpanan gas berjumlah 10 trilion kaki persegi telah ditemui di kawasan itu.

Syarikat minyak nasional kedua-dua negara -- Lembaga Petroleum Thailand (PTT) dan Petronas -- diberi tanggungjawab oleh kerajaan masing-masing untuk berunding secara bersama untuk membeli gas asli di kawasan itu.

Ia berasaskan kepada perkongsian bersama keuntungan ekonomi dan seterusnya menubuhkan projek-projek usahasama penggunaan gas.

Kedua-dua pihak bersetuju untuk membeli gas dari MTJA berasaskan kadar 50:50 dan seterusnya bersetuju membawa balik bahagian 50 peratus mereka ke negara masing-masing bagi mengadakan kajian bersama bagi menentukan kemungkinan diadakan projek usahasama di selatan Thailand dan negeri-negeri utara Malaysia.

Bercakap pada upacara menandatangani dua perjanjian berkaitan dengan pembelian gas asli dari MTJDA di sini, Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga menyatakan optimismenya bahawa konsep seperti itu juga boleh digunapakai untuk menyelesaikan masalah tuntutan bertindih ke atas wilayah antara dua negara.

Katanya MTJDA, konsep yang pertama sepertinya, adalah satu kerjasama yang unik antara dua negara, berasaskan kepada konsep semua pihak memperoleh kejayaan (win-win situation).

Beliau berkata, sementara pembangunan-pembangunan utama akan memperkukuhkan lagi hubungan antara Thailand dan Malaysia, konsep itu adalah yang pertama yang mana pendekatan sepertinya boleh digunapakai untuk menyelesaikan masalah tuntutan wilayah.

Semangat kerjasama itu juga adalah sebagai bukti kepada falsafah "makmurkan jiran anda" yang dicanangkan oleh Malaysia.

Perdana Menteri Thai, Chuan Leekpai yang juga hadir pada upacara itu, turut bersependapat dengan Dr Mahathir dan berkata bahawa ia menunjukkan kepada dunia bahawa prinsip sama-sama berkongsi kos dan keuntungan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Katanya cadangan projek-projek pelaburan paip Trans-Thailand-Malaysia (TTM) dan Loji Pemisahan Gas (GSP) juga adalah contoh yang baik bagi usaha-usaha kerjasama dua hala antara kedua-dua negara.

Setiausaha Tetap Kementerian Industri Thailand, Pricha Attavipach berkata projek MTJDA juga adalah bukti kepada dunia bahawa Malaysia dan Thailand berupaya menjadikan isu tuntutan wilayah bertindih yang mungkin mencetuskan pertelingkahan kepada satu kerjasama dua hala yang menguntungkan.

Kesemua kejayaan ini membuktikan wawasan pemimpin kedua-dua negara

apabila mereka bertemu di Chiang Mai pada tahun 1979 untuk menubuhkan MTJDA, wawasan "adik beradik yang berkongsi dan minum dari telaga yang sama", katanya.

Mengenai pelaburan dalam kawasan MTJDA, beliau berkata para kontraktor dijangka melaburkan lebih dari AS\$1.5 bilion dalam masa tiga hingga empat tahun akan datang untuk membangunkan kawasan gas dan pembinaan kemudahan pengeluaran.

Attavipach juga berkata PTT dan Petronas juga akan melaburkan hampir AS\$800 juta dalam projek-projek paip TTM dan GSP di utara Malaysia dan selatan Thailand.

Projek paip TTM akan akhirnya menghubungkan rangkaian pengedaran paip gas Malaysia dan Thailand, dan akan membantu mewujudkan peluang-peluang baru dalam projek-projek hiliran penggunaan gas untuk rakyat di utara Malaysia dan selatan Thailand, katanya.

Malaysia adalah satu-satunya negara Asean yang bersempadan dengan kebanyakan negara-negara anggota gagasan itu yang lain.

Isu mengenai tuntutan penuh atau sebahagian ke atas Kepulauan Spratly di Laut China Selatan telah menimbulkan ketegangan antara negara-negara penuntut - China, Taiwan, Vietnam, Filipina, Brunei dan Malaysia.

Mungkin kejayaan Malaysia dan Thailand melaksanakan konsep MTJDA dapat dijadikan contoh oleh negara-negara lain yang mempunyai masalah yang serupa.

-- BERNAMA

AHM WAT